



The Observer

10.06.2022

❖ Wujudkah kehidupan selepas PN17?

Apabila melihat stigma yang dikaitkan dengannya, soalan pertama yang mungkin terlintas dalam fikiran pemegang saham minoriti tatkala kaunter mereka mencetuskan kriteria Nota Amalan 17 (*Practice Note 17*, PN17) adalah sama ada untuk memilih strategi *cut-loss* (bagi meminimalkan kerugian yang dialami), pemurataan ke bawah (*average down* iaitu menambah unit saham yang dimiliki dengan harga yang lebih rendah dengan tujuan mengurangkan purata kos bagi seunit saham) atau terus memegang saham tersebut dan berharap agar harganya pulih semula.

Majoriti syarikat PN17 terdiri daripada syarikat yang mempunyai asas yang lemah atau bersifat spekulatif. Apabila diteliti, selalunya syarikat-syarikat ini tidak diurus dengan baik atau tidak mempunyai rekod prestasi yang baik.

Berdasarkan kriteria yang mencetuskan klasifikasi PN17, boleh disimpulkan bahawa majoriti syarikat yang terjejas akan melaporkan kerugian yang besar. Ini dapat dilihat sewaktu audit berkanun penyata kewangan tahunan mereka oleh juruaudit luar yang dilantik.

Dalam sesetengah kes, kerugian ini disebabkan oleh rosot nilai yang dikenakan ke atas aset tertentu. Ini termasuklah penghutang perdagangan, inventori, malah aset atau pelaburan yang dicatatkan dalam buku yang mungkin tidak menggambarkan nilai ekonomi semasa atau tidak dapat diperolehi semula (Sumber: Pankaj C. Kumar, "Is PN17 an End-Game?", *StarBiz*, 5 Februari 2022).

Pencetus klasifikasi PN17

Menurut semakan terkini Kriteria dan Obligasi Penerbit Nota Amalan 17 (*Practice Note 17*, PN17) Bursa Malaysia Securities Bhd (semakan terkini pada 1 Januari 2022), PN17 diberikan kepada penerbit tersenarai yang mencetuskan mana-mana satu atau lebih daripada enam kriteria berikut:

- Ekuiti pemegang saham berdasarkan penyatuan ialah 25% atau kurang daripada modal saham dan kurang daripada RM40 juta
- Penerima atau pengurus telah dilantik ke atas aset penerbit tersenarai, subsidiari atau syarikat bersekutu yang mana aset itu menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan berdasarkan penyatuan
- Penggulangan subsidiari atau syarikat bersekutu penerbit tersenarai yang menyumbang sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah aset yang digunakan berdasarkan penyatuan
- Juruaudit telah menyatakan pendapat buruk atau penafian dalam penyata kewangan teraudit terkini penerbit tersenarai
- Juruaudit telah menekankan ketidakpastian material berhubung dengan usaha berterusan atau menyatakan syarat ke atas kemampuan penerbit tersenarai untuk meneruskan sebagai usaha berterusan dalam penyata kewangan teraudit terkini syarikat dan ekuiti pemegang saham berdasarkan penyatuan ialah 50% atau kurang daripada modal saham penerbit tersenarai
- Kegagalan pembayaran oleh penerbit tersenarai, subsidiari utamanya atau syarikat bersekutu utamanya, sebagaimana yang diumumkan oleh syarikat menurut Perenggan 9.19A Kehendak-kehendak Penyenaraian dan penerbit tersenarai tidak dapat mengemukakan penapisvtharan

Oleh yang demikian, dari sudut operasi, sesebuah syarikat juga boleh jatuh ke dalam kategori PN17 jika kerugian dalam sesuatu tahun adalah sangat besar, yang boleh memberi kesan terhadap ekuiti pemegang saham dan mencetuskan Perenggan 2.1(a) PN17 atau GN3 mengikut mana-mana yang berkenaan.

Selain itu, juruaudit juga boleh memainkan peranan penting dalam menentukan titik pencetus kerana kedua-dua Perenggan 2.1(d) dan Perenggan 2.1(e) PN17 dan Perenggan 2.1(f) dan Perenggan 2.1(g) GN3 adalah berkaitan pendapat juruaudit mengenai penyata kewangan yang dibentangkan.

Jalan keluar bagi pemegang saham minoriti

Sesetengah pelabur tidak menyedari yang mereka memegang saham dalam kaunter yang telah diklasifikasikan di bawah PN17 kerana kejahilan mereka sendiri iaitu kegagalan untuk mengikuti perkembangan syarikat yang mereka laburkan. Lebih teruk lagi, sesetengah pelabur tidak menyedari syarikat-syarikat ini telah pun dinyahsenarai.

Mungkin inilah yang membezakan antara pelabur bermaklumat dengan pelabur biasa. Pelabur bermaklumat akan memantau prestasi saham mereka.

Sebaik sahaja menyedari syarikat yang menjadi tempat pelaburan mereka mengalami kemerosotan prestasi atau menunjukkan tanda-tanda awal terdapat masalah kewangan, mereka cenderung membuat keputusan yang cepat. Biasanya, mereka memilih untuk mengurangkan kerugian mereka.

Malangnya, kebanyakan pelabur percaya bahawa "setiap yang turun pasti akan naik semula satu hari nanti" yang jelas berbeza dengan "setiap yang naik akan turun". Akhirnya apabila mereka sudah bersedia untuk mengurangkan kerugian, syarikat-syarikat ini sudah pun berada pada tahap kritikal dan hanya menunggu masa untuk dinyahsenarai.

Terutama pada waktu yang mencabar seperti sekarang, pelabur perlu memastikan mereka memeriksa 'nadi' pelaburan mereka dengan lebih kerap berbanding sewaktu ekonomi pesat membangun. Atau lebih baik jika mereka membuat pemeriksaan perubahan penuh ke atas pelaburan tersebut.

Sewaktu ekonomi tidak menentu, saham mewah lebih mampu mengharungi pergolakan pasaran saham berbanding saham lain yang lebih rendah kerana saham mewah selalunya lebih terurus atau mempunyai aliran tunai yang mencukupi, yang lebih dikenali sebagai peti peperangan ('war chest').

Selain risiko kelangsungan perniagaan, terdapat trend yang tidak wajar dilakukan oleh sesetengah pemilik perniagaan, iaitu mereka menjadi kurang komited untuk menyelamatkan perniagaan mereka apabila mendapati syarikat mereka dilabelkan sebagai PN 17.

Mereka mungkin melepaskan perniagaan mereka tanpa berfikir panjang apabila berdepan masalah kewangan. Jika mereka mendapati jumlah pinjaman lebih tinggi daripada nilai aset, atau jika mereka meramalkan prestasi syarikat amat sukar dipulihkan, mereka tidak ragu-ragu untuk melepaskan perniagaan mereka dengan membiarkan syarikat itu tersenarai dalam PN17 dan akhirnya muflis. Ada pula yang

bersenang-senang menggunakan dagangan orang dalam dan menjual pada harga yang lebih tinggi lebih awal iaitu sebelum syarikat dinyahsenarai atau digulung.

Ini mengingatkan saya tentang Teori Lipas iaitu apabila sesebuah syarikat mengumumkan berita buruk kepada orang ramai, misalnya kegagalan membayar balik pinjaman, isu perakaunan atau kelewatan dalam membentangkan keputusan kewangan mereka, kemungkinan besar terdapat lebih banyak berita buruk yang bakal diumumkan.

Analoginya ialah apabila kita terserempak seekor lipas di dalam kabinet, pasti ada banyak lagi lipas yang bersembunyi di belakang kabinet itu.

Walaupun sesetengah syarikat wajar dipuji kerana cuba melepaskan diri daripada cengkaman PN17 dengan berusaha sehabis baik untuk menyusun semula perniagaan mereka, tidak semua pemilik perniagaan mempunyai stamina untuk melancarkan misi menyelamatkan secara bersungguh-sungguh. Pencarian firma wira ('white knight') boleh melibatkan waktu rundingan yang lama dan 'memalukan'. Walaupun ada syarikat PN17 berjaya mendapatkan firma wira, namun penyerahan, kelulusan dan pelaksanaan pelan penyusunan semula mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan.

Oleh yang demikian, apabila berdepan realiti yang begitu kejam, pemegang saham minoriti perlu memilih sama ada mahu mengurangkan kerugian, menurunkan harga secara purata atau terus memegang saham PN17 mereka.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 13 hingga 17 Jun 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
13.06.22 (Isnin) 09.30 pagi	Pharmaniaga Berhad (AGM)	Syarikat mendapat banyak manfaat daripada kejadian Black Swan atau peristiwa yang tidak dijangka iaitu tercetusnya pandemik COVID -19 pada tahun kewangan berakhir 2021 apabila keuntungan bersih syarikat meningkat 6 kali ganda kepada RM172 juta berbanding tahun kewangan berakhir 2020. Ini adalah kerana syarikat dilantik sebagai pengedar vaksin yang telah melalui proses pengisian dan pembotolan ('fill and finish') untuk negara. Syarikat berdepan cabaran untuk

		<p>mengekalkan prestasinya pada tahun kewangan berakhir 2022, sewaktu peralihan pandemik ke fasa endemik dan apabila permintaan terhadap vaksin semakin menyusut.</p>
15.06.22 (Rabu) 09.30 pagi	Boustead Heavy Industries Bhd (AGM)	<p>BHIC mencatatkan pendapatan berjumlah RM149.2 juta pada tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan 3% daripada RM145.2 juta pada tahun 2020, sebahagian besarnya daripada kontrak kapal selam dan projek pembaikan, penyelenggaraan dan baik pulih (<i>maintenance, repair and overhaul, MRO</i>) lain yang berkaitan pertahanan. Kumpulan berjaya memulihkan prestasi pada tahun kewangan 2021 apabila mencatatkan keuntungan bersih RM15.2 juta berbanding kerugian bersih RM50.6 juta sebelum ini selepas pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik.</p>
15.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	WCT Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan WCT kekal tidak berubah pada tahun kewangan 2021, iaitu RM1.70 bilion seperti tahun kewangan yang lalu. Walaupun pertumbuhan pendapatan tiada perubahan, keuntungan bersihnya melonjak 146% kepada RM9.72 juta daripada kerugian bersih RM213.6 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, disebabkan oleh pertumbuhan keuntungan operasi yang kukuh daripada semua segmen perniagaan.</p>
15.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	Far East Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Far East meningkat 4% kepada RM693.58 juta pada tahun kewangan 2021. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai melonjak dengan ketara sebanyak 88% kepada RM210.46 juta berikutan peningkatan harga purata minyak sawit mentah (<i>crude palm oil, CPO</i>) dan isirung kelapa sawit (<i>palm kernel, PK</i>) serta bahagian keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat bersekutu.</p> <p>Syarikat menjangkakan prestasinya pada tahun kewangan 2022 kekal memberangsangkan berikutan pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch, FFB</i>) yang stabil serta harga purata CPO dan PK yang positif.</p>

15.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	Time dotCom Berhad (AGM)	Pada tahun kewangan 2021, TIME mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 14% tahun ke tahun kepada RM1,396.4 juta (tahun kewangan 2020: RM1,223.2 juta). Pendapatan daripada semua kumpulan produk teras mencatatkan peningkatan kecuali kumpulan produk suara. Keuntungan bersih syarikat berjumlah RM396.8 juta (tahun kewangan 2020: RM326.9 juta), dengan peningkatan 21% tahun ke tahun. Aspirasi serantanya kekal tidak berubah. Syarikat akan terus menumpukan kepada memenuhi permintaan terhadap kesambungan merentas sempadan dan pusat data serantau.
15.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	Caely Holdings Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa (EGM) ini bertujuan mendapatkan pertimbangan pemegang saham berkaitan penyingkiran tujuh pengarah sedia ada dan pelantikan empat pengarah baharu. EGM itu diadakan menurut notis khas bertarikh 17 Mei 2022, mengikut Seksyen 206 dan 322 Akta Syarikat 2016. Notis itu disampaikan kepada Caely oleh tiga pemegang saham yang secara kolektif memegang sekurang-kurangnya sepuluh peratus modal saham terbitan Syarikat secara agregat.
15.06.22 (Rabu) 11.00 pagi	Lii Hen Industries Bhd (AGM)	Walaupun pengeluar perabot berdepan permintaan yang kukuh sewaktu pandemik, syarikat tidak dapat menikmati manfaatnya berikutan kos yang tinggi seperti kos kontena dan kos bahan mentah. Pengendalian kos yang lebih baik sepatutnya memberi peluang kepada syarikat untuk mencapai keputusan kewangan yang lebih kukuh bagi tahun kewangan berakhir 2022.
15.06.22 (Rabu) 02.00 petang	Lii Hen Industries Bhd (EGM)	Lii Hen bercadang untuk menerbitkan kira-kira 360 juta saham bonus berdasarkan dua saham bonus bagi setiap satu saham sedia ada yang dipegang.
15.06.22 (Rabu) 02.30 petang	Mudajaya Group Berhad (AGM)	Mudajaya melaporkan keuntungan sebelum faedah dan cukai (<i>Profit Before Interest and Tax, PBIT</i>) yang lebih tinggi berjumlah RM57.2 juta bagi tahun kewangan 2021, mewakili peningkatan lebih 100%

		berbanding RM9.9 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Lonjakan dalam PBIT disumbangkan oleh kos kewangan yang lebih rendah, yang konsisten dengan pembayaran balik pinjaman dan peminjaman yang dibuat pada tahun kewangan.
15.06.22 (Rabu) 02.30 petang	Oriental Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM3.3 bilion pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM3.4 bilion), sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen Automotif (49%) dan Perladangan (25%). Sementara itu, keuntungan sebelum cukai Kumpulan meningkat 462% tahun ke tahun kepada RM606.8 juta (2020: RM107.9 juta) berikutan kenaikan harga produk sawit yang kukuh. Kumpulan terus menumpukan kepada usaha mengembangkan segmen Automotif, Perladangan dan Penjagaan Kesihatan dan pada masa yang sama menceburi bidang farmasi runcit dan pengurusan pusat jagaan peralihan bagi menyediakan aliran pendapatan jangka panjang pada masa hadapan.
16.06.22 (Khamis) 09.30 pagi	Boustead Holdings Berhad (AGM)	Boustead berjaya mengubah haluan prestasi dengan cemerlang pada tahun kewangan 2021 apabila Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM479 juta berbanding kerugian bersih RM501 juta pada tahun 2020. Kesemua segmen perniagaannya melaporkan pendapatan yang kukuh, diterajui oleh segmen Perladangan, Farmaseutikal dan Perdagangan, Kewangan dan Pelaburan. Kumpulan merekodkan peningkatan 43% dalam pendapatan kepada RM11.3 bilion berbanding RM7.9 bilion setahun yang lalu.
16.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Sime Darby Plantation Berhad (AGM)	Kumpulan menjana pendapatan berjumlah RM18.7 bilion (tahun kewangan 2020: RM13.1 bilion) dengan peningkatan yang memberangsangkan iaitu 43% tahun ke tahun, didorong oleh kenaikan harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i> , CPO) berikutan bekalan yang terhad. Keuntungan bersih meningkat 90% kepada RM2.26 bilion

		<p>(tahun kewangan 2020: RM1.19 bilion). Prestasi ini dicapai berlatarkan kenaikan harga minyak mentah yang menyebabkan peningkatan kos input termasuk baja dan isu kekurangan buruh yang berlarutan. Sebagai ganjaran kepada prestasi cemerlang, Lembaga Pengarah meluluskan dividen sebanyak 20.28 sen sesaham untuk tahun kewangan 2021, mewakili 60% daripada pendapatan bersih berulang. Ini merupakan pembayaran tertinggi sejak penyenaian Kumpulan pada November 2017.</p>
16.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Capital A Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 44% tahun ke tahun kepada RM1.8 bilion meskipun mencatatkan faktor beban yang sihat sebanyak 74%. Pendapatan daripada syarikat penerbangan menyusut 62% kerana Kumpulan hanya beroperasi pada kapasiti 36% berbanding 2020.</p> <p>Perniagaan digital menyaksikan lonjakan sebanyak 76% tahun ke tahun kerana Kumpulan menguasai bahagian pasaran yang lebih besar melalui pengembangan agresif dalam barisan perniagaan yang berbeza.</p> <p>Oleh yang demikian, kerugian bersihnya menyusut 37% kepada RM3.7 bilion berbanding kerugian bersih RM5.9 bilion pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pada 7 Januari 2022, Capital A telah diklasifikasikan sebagai syarikat PN17. Portfolio syarikat yang teguh dan pelbagai memberi peluang kepada Capital A untuk menyelaraskan kembali kedudukan kewangannya serta mengukuhkan daya maju perniagaannya pada masa hadapan.</p> <p>Prospek perniagaan penerbangannya pada 2022 tampak positif dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Kumpulan menasaskan untuk kembali kepada kapasiti sebelum</p>

		Covid di sebahagian besar laluan utamanya menjelang akhir 2022.
16.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	G3 Global Berhad (AGM)	Syarikat melaporkan kerugian sepanjang lima tahun kewangan yang lalu, tetapi pemerolehan 51% Bestinet Healthcare mungkin mengubah nasibnya. Namun, timbul persoalan berkaitan masa kemasukannya ke dalam perniagaan pengedaran kit antigen kerana pandemik sudah memasuki fasa endemik dan permintaan untuk kit antigen sudah mula berkurangan.
16.06.22 (Khamis) 10.00 pagi	Cocoaland Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Cocoaland menyusut 3% kepada RM210.3 juta pada tahun kewangan 2021 dengan produk gummy kekal sebagai produk teras perniagaan yang menyumbang 57.8% daripada jumlah pendapatan. Sementara itu, ia merekodkan keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax</i> , PBT) yang lebih tinggi berjumlah RM29.8 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM27.3 juta pada tahun kewangan 2020, didorong oleh langkah rasionalisasi kos yang berkesan.
16.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	Parkwood Holdings Berhad (AGM)	Walaupun keputusan operasi tidak begitu baik, kedudukan kewangan Kumpulan kekal sihat. Jumlah aset pada akhir tahun kewangan 2021 berjumlah RM181.71 juta manakala jumlah ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat berjumlah RM150.77 juta, menjadikan aset bersih sesaham pada RM0.55.
16.06.22 (Khamis) 11.00 pagi	POS Malaysia Berhad (AGM)	Pos Malaysia memperoleh pendapatan berjumlah RM2.2 bilion pada tahun kewangan 2021, mewakili penurunan 5.9% daripada tahun sebelumnya. Kerugian bagi tahun berjumlah RM335.7 juta. Prestasi pada tahun 2021 adalah disebabkan gangguan kepada perniagaannya yang disebabkan oleh pandemik, kemerosotan struktur perniagaan mel, peningkatan kos pematuhan tatacara pengendalian piawai (<i>standard operating procedures</i> , SOP) sewaktu pandemik, caj penyusunan semula dan penstrukturan semula, serta penyusutan dalam volum e-dagang sejak berakhirnya Perintah Kawalan

		Pergerakan (<i>Movement Control Order, MCO</i>).
16.06.22 (Khamis) 03.00 petang	UEM Edgenta Berhad (AGM)	<p>UEM Edgenta mencatatkan lantunan yang kukuh dalam prestasi kewangan dengan pertumbuhan 13% dan 225.6% dalam pendapatan dan keuntungan, masing-masing berjumlah RM2.29 bilion dan RM42.4 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Walau bagaimanapun, prestasi kewangannya pada tahun kewangan 2021 masih jauh di bawah tahap tempoh prapandemik iaitu pendapatan berjumlah RM2.41 bilion dan keuntungan bersih berjumlah RM181.8 juta pada tahun kewangan 2019.</p>
17.06.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Leong Hup International Berhad (AGM)	<p>Leong Hup mencatatkan rekod pendapatan operasi berjumlah RM7.14 bilion pada tahun kewangan 2021, meningkat 18.4% berbanding RM6.03 bilion pada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh prestasi yang kukuh dalam segmen Ternakan dan Kilang Makanan Ternakan, yang menyaksikan peningkatan pendapatan, masing-masing berjumlah 16.7% dan 20.7% tahun ke tahun. Keuntungan selepas cukai, pelunasan dan kepentingan minoriti (<i>Profit after tax, amortisation and minority interest, PATAMI</i>) berjumlah RM85.40 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM113.15 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan oleh kesan pandemik yang berpanjangan serta penyusutan permintaan akibat sekatan pergerakan merentasi semua pasaran operasi.</p>
17.06.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Press Metal Aluminium Holdings Berhad (AGM)	<p>Keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) Kumpulan melonjak 120.4% kepada RM1.44 bilion berbanding tahun kewangan sebelumnya, berpunca daripada pendapatan yang lebih tinggi pada tahun tersebut dan peningkatan sumbangan daripada syarikat bersekutunya. Ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan kos operasi dan akruan tahunan bagi cukai jualan negeri berjumlah RM50.0 juta pada tahun tersebut.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Pharmaniaga Berhad (AGM)	<p>Syarikat merekodkan keuntungan bersih tertinggi pada tahun kewangan 2021 apabila keuntungan bersihnya meningkat hampir enam kali ganda kepada RM172.2 juta daripada RM26.3 juta pada tahun kewangan 2020. Prestasi cemerlang ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembekalan hampir 23 juta dos vaksin Sinovac kepada Kerajaan dan sektor swasta pada tahun kewangan berakhir 2021. (Halaman 30, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Memandangkan pandemik diklasifikasikan sebagai 'Black Swan' atau peristiwa yang tidak dijangka, apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk mengisi kehilangan pendapatan daripada pembekalan vaksin apabila permintaan semakin berkurangan sewaktu pandemik memasuki fasa endemik?</p>
Boustead Heavy Industries Bhd (AGM)	<p>Pada 31 Mac 2022, nisbah semasa kumpulan berada pada tahap 0.48x. Wang tunai dan baki di bank menyusut kepada RM2.691 juta manakala dari sudut lain kunci kira-kira, pinjaman dan peminjaman kumpulan berjumlah RM280.166 juta. Penggearingan bersih berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 3.2x.</p> <p>a) Apakah langkah yang diambil oleh syarikat untuk menangani risiko kecairan?</p> <p>b) Adakah syarikat merancang sebarang pelaksanaan penjana modal untuk menangani isu kecairan dan tahap penggearingan yang tinggi?</p>
WCT Holdings Berhad (AGM)	<p>Syarikat menyediakan peruntukan jangkaan kerugian kredit (<i>expected credit losses, ECL</i>) berjumlah RM28,164,000 pada tahun kewangan 2021 yang timbul daripada penghutang daripada perjanjian penyelesaian. Tiada peruntukan ECL dibuat pada tahun kewangan 2020. (Halaman 246 dan Halaman 267-271, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah kebarangkalian jumlah ECL ini ditarik balik?</p>
Far East Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan penurunan 8.4% dalam pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch, FFB</i>) kepada 289.985 tan metrik pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, kebanyakan ladang menikmati peningkatan hasil dalam tempoh 4 bulan terakhir 2021. Kumpulan mencatatkan hasil FFB yang lebih tinggi iaitu 17.01 tan metrik sehektar berbanding purata hasil di Negeri Pahang dan Semenanjung Malaysia pada 2021, iaitu masing-masing berjumlah 15.43 tan metrik sehektar dan 16.24 tan metrik sehektar. (Halaman 44, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah faktor pencetus peningkatan hasil dalam empat bulan terakhir 2021?</p>

	<p>b) Adakah peningkatan hasil itu berterusan sehingga lima bulan pertama tahun ini?</p> <p>c) Apakah prospek untuk bulan-bulan yang masih berbaki bagi tahun 2022?</p>
Time dotCom Berhad (AGM)	<p>Komitmen Kumpulan untuk menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi, amat dipercayai dan konsisten menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan yang kukuh daripada segmen Runcit pada tahun kewangan 2021. Pengiktirafan Kumpulan sebagai Pembekal Jalur Lebar Paling Konsisten di Malaysia berdasarkan analisis oleh Ookla® terhadap data Speedtest Intelligence® dari suku tahun pertama 2020 sehingga suku tahun keempat 2021 jelas membuktikan komitmen ini. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Sejauh manakah kepastian dan keandalan perkhidmatan internet TIME berbanding pemain lain dalam industri? Apakah kelebihan daya saing lain yang dimiliki oleh TIME berbanding syarikat lain dalam industri?</p> <p>b) Apakah ciri-ciri utama yang dimiliki oleh Kumpulan sehingga diiktiraf sebagai Penyedia Jalur Lebar Paling Konsisten di Malaysia?</p>
Lii Hen Industries Bhd (AGM)	<p>Syarikat adalah pengeksport perabot utama ke Amerika Syarikat yang mana 95% daripada pendapatannya pada tahun kewangan berakhir 2021 diperoleh dari negara tersebut. Isu perhutanan lestari semakin mendapat perhatian di seluruh dunia dan pembeli berhak menukar pembelian mereka jika mereka mendapati pengilang terlibat dalam perolehan hasil hutan yang tidak selaras dengan 'amalan mesra alam'.</p> <p>Bagaimanakah Syarikat memastikan bahan mentah yang diperoleh adalah daripada hutan lestari?</p>
Mudajaya Group Berhad (AGM)	<p><u>Buku tempahan</u></p> <p>a) <u>Kontrak pembinaan</u></p> <p>i. Apakah buku tempahan semasa bagi kontrak pembinaan Kumpulan?</p> <p>ii. Berapa lamakah buku tempahan semasa dapat bertahan?</p> <p>iii. Apakah sasaran penambahan buku tempahan dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>b) <u>Pembuatan</u></p> <p>Mudajaya bercadang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai tender secara terpilih bagi menambah buku tempahan pembuatannya yang berjumlah RM25 juta, berdasarkan jadual dan kapasiti pengeluaran semasa (Halaman 47, Laporan Tahunan).</p>

	<ul style="list-style-type: none"> i. Berapa lamakah buku tempahan berjumlah RM25 juta dapat bertahan? ii. Apakah kapasiti pengeluaran semasa? iii. Apakah sasaran penambahan buku tempahan dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?
Oriental Holdings Berhad (AGM)	<p>Operasi runcit di Singapura mencatatkan penyusutan ketara dalam pendapatan dan keuntungan operasi, masing-masing sebanyak 35.0% dan 50.6%. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan 53.4% dalam bilangan kereta yang dijual, berikutan pemotongan kuota Sijil Kelayakan (<i>Certificate of Entitlement, COE</i>) oleh Penguasa Pengangkutan Darat (<i>Land Transport Authority, LTA</i>) dan lonjakan harga COE. (Halaman 26, Laporan Tahunan 2021)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Memandangkan operasi runcit di Singapura menyumbang 22.6% kepada jumlah pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2021, adakah Kumpulan menjangkakan sumbangan pendapatan dari Singapura akan terus menyusut pada masa hadapan? b) Apakah langkah yang perlu diambil oleh Kumpulan untuk meningkatkan sumbangan pendapatan dari Singapura?
Boustead Holdings Berhad (AGM)	<p>Di bawah strategi Penciptaan Semula Boustead (<i>'Reinventing Boustead'</i>) yang diperkenalkan menjelang akhir 2020 dan dilancarkan pada 2021, syarikat menyasarkan untuk mencapai empat kali permodalan pasaran dalam tempoh 3 tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah yang dimaksudkan oleh sasaran permodalan pasaran secara mutlak? b) Bilakah tarikh akhir untuk tempoh tiga tahun strategi <i>Reinventing Boustead</i>?
Sime Darby Plantation Berhad (AGM)	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pemiutang berkaitan pekerja meningkat kepada RM0.53 juta (2020: RM0.36 juta). Termasuk dalam pemiutang berkaitan pekerja Kumpulan adalah peruntukan untuk pemulihan yuran pengambilan berjumlah RM81.9 juta kepada pekerja sedia ada dan bekas pekerja yang meninggalkan Kumpulan pada atau selepas 1 November 2018. (Nota 41, halaman 200, Laporan Tahunan Bersepadu 2021) <ul style="list-style-type: none"> a) Berapakah jumlah pekerja asing yang diberi pampasan berkaitan perkara di atas? b) Pada 28 Januari 2022, Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (<i>United States Customs and Border Protection, USCBP</i>) mengeluarkan notis penemuan terhadap Kumpulan (Nota 50, halaman 246, Laporan Tahunan Bersepadu 2021). Adakah Kumpulan menjangkakan pampasan selanjutnya akan dibuat kepada pekerja asingnya

	<p>pada tahun 2022 dengan notis penemuan yang dikeluarkan oleh USCBP dan selepas siap laporan Impactt Limited? Jika ya, berapakah anggaran pampasan yang perlu dibayar?</p> <p>2. Sesetengah anak syarikat tertentu di Indonesia tertakluk kepada pembatalan dan penilaian lesen konsesi kawasan hutan mengikut dekrei Kementerian Alam Sekitar dan Kehutanan (<i>Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan</i>, KLHK) Republik Indonesia bertarikh 5 Januari 2022. Berdasarkan dekrei tersebut, jumlah keluasan bagi anak syarikat yang tertakluk kepada pembatalan dan penilaian lesen konsesi hutan masing-masing berukuran 40,065 dan 69,619 hektar. (Nota 51(d), halaman 247 Laporan Tahunan Bersepadu 2021)</p> <p>Sekiranya pembatalan dan penilaian lesen konsesi kawasan hutan tersebut menjadi kenyataan, sejauh manakah kesannya terhadap prestasi Kumpulan?</p>
<p>Capital A Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 7 Januari 2022, Capital A telah diklasifikasikan oleh Bursa Malaysia sebagai syarikat di bawah Nota Amalan 17 (PN17). Ia sedang dalam proses menangani perkara itu kerana kedudukan aliran tunai tidak menggambarkan realiti. Portfolio syarikat yang teguh dan pelbagai memberi peluang kepada Capital A untuk menyelaraskan kembali kedudukan kewangannya serta mengukuhkan daya maju perniagaannya pada masa hadapan (Halaman 72, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Berapa lamakah tempoh yang diperlukan oleh Syarikat untuk menyelaraskan statusnya memandangkan ia masih mengalami kerugian dengan peningkatan defisit pemegang saham, manakala liabiliti semasa syarikat melebihi aset semasanya?</p>
<p>G3 Global Berhad (AGM)</p>	<p>Syarikat mencatatkan kerugian selama lima tahun kewangan berturut-turut. Ia mencatatkan kerugian berjumlah RM10.4 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 berbanding kerugian RM13.4 juta pada tahun kewangan berakhir 2020. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah langkah yang perlu diambil oleh Syarikat untuk mengubah prestasinya daripada kerugian kepada keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>b) Apakah hala tuju pendapatan dan keuntungan bersih bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p>
<p>Cocoaland Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 3% kepada RM210.3 juta pada tahun kewangan 2021 dengan produk <i>gummy</i> kekal sebagai produk teras perniagaan (57.8% daripada jumlah pendapatan). Penurunan pendapatan ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih lunak untuk produk <i>gummy</i> dalam perniagaan pembuatan kontrak Kumpulan di China, Filipina dan Malaysia serta permintaan yang lebih rendah untuk produk <i>snek</i> di Arab Saudi. Penyusutan ini sebahagiannya diimbangi oleh pendapatan yang lebih tinggi</p>

	<p>yang diperoleh daripada <i>gummy</i> buatan dalaman di China, Vietnam, Malaysia serta konfeksi dan biskut dalam pasaran domestik. (Halaman 18, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Produk <i>gummy</i> menyumbang 57.8% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan purata untuk barisan produk <i>gummy</i> pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Bagaimanakah trend perniagaan pembuatan kontrak untuk produk <i>gummy</i> berbanding jenama dalaman dalam tempoh lima tahun yang lalu? Sila berikan pecahan jualan untuk lima tahun yang lalu.</p> <p>c) Adakah strategi syarikat berhubung komposisi jualan untuk produk <i>gummy</i>? Adakah syarikat menjangkakan sumbangan yang lebih tinggi daripada jenama sendiri atau pembuatan kontrak dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang?</p>
Parkwood Holdings Berhad (AGM)	<p>Bagi tahun kewangan dalam tinjauan, Kumpulan merekodkan kerugian sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) berjumlah RM3.81 juta (tahun kewangan 2020: kerugian sebelum cukai RM3.81 juta) disebabkan kos operasi yang lebih tinggi dalam tahun kewangan yang mencabar (Halaman 10 dan Halaman 64, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Bagaimanakah Lembaga merancang untuk menangani peningkatan kos operasi dan kerugian sebelum cukai Parkwood pada masa hadapan?</p> <p>b) Bagaimanakah prospek prestasi kewangan Parkwood pada tahun kewangan 2022?</p>
POS Malaysia Berhad (AGM)	<p>Pendapatan lain dan perbelanjaan lain menyusut dengan ketara daripada RM101.6 juta dan RM191.7 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM36.7 juta dan RM93.1 juta masing-masing pada tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Adakah item utama dalam pendapatan lain dan perbelanjaan lain bagi tahun kewangan 2020 dan 2021?</p> <p>b) Adakah yang menyebabkan penyusutan ketara dalam pendapatan lain dan perbelanjaan lain pada tahun kewangan 2021?</p>
UEM Edgenta Berhad (AGM)	<p>Syarikat menanggung kos rasionalisasi kakitangan sekali sahaja pada tahun kewangan 2021 berjumlah RM12.6 juta untuk bahagian perkhidmatan infrastruktur dan perundingan aset (Halaman 299, Nota 41 – Maklumat segmen, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Adakah yang sebenarnya berlaku dalam rasionalisasi kakitangan?</p>

	<p>b) Sementara itu, gaji dan upah meningkat 12% (atau RM80.18 juta) kepada RM753.68 juta daripada RM673.5 juta sebelum ini (Halaman 224, Nota 8 – Perbelanjaan manfaat pekerja, Laporan Tahunan 2021). Gaji dan upah pada tahun kewangan 2019 berjumlah RM660.82 juta (Halaman 187, Laporan Tahunan 2019).</p> <p>Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam perbelanjaan gaji dan upah?</p> <p>c) Pada tahun kewangan 2021, UEM Edgenta merekodkan jumlah peletakan jawatan dan pengambilan kakitangan bukan eksekutif yang luar biasa (Halaman 93, Laporan Tahunan 2021). Seramai 8,095 kakitangan bukan eksekutif telah meletak jawatan manakala 10,107 kakitangan bukan eksekutif telah diambil. Syarikat menggajikan kira-kira 22,000 pekerja sehingga tahun kewangan 2021.</p> <p>Mengapakah terdapat peletakan jawatan dan pengambilan pekerja secara besar-besaran?</p>
<p>Leong Hup International Berhad (AGM)</p>	<p>“Rantainya bekalan terus dibelenggu oleh kos komoditi yang tinggi dan ini menjejaskan setiap pengeluar ayam secara berterusan. Mil jagung dan tepung soya, yang secara kolektif membentuk kira-kira 70% daripada kos makanan ayam ternakan, mencatatkan paras harga tertinggi apabila harga kedua-dua komoditi itu melonjak lebih 40% tahun ke tahun pada 2021 dan melonjak ke paras rekod tertinggi sekali lagi pada 2022 di tengah-tengah ketegangan geopolitik yang semakin meningkat serta pencerobohan Rusia ke atas Ukraine.” (Muka surat 36, Laporan Tahunan tahun kewangan 2021).</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh kumpulan untuk mengurangkan kesan negatif daripada lonjakan harga makanan ayam ternakan?</p>
<p>Press Metal Aluminium Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan memasuki tahun 2022 dengan kapasiti pengeluaran yang ditingkatkan susulan pengoperasian penuh pelebur Samalaju Fasa 3 (P3) pada Oktober 2021.</p> <p>Kumpulan sedang berusaha ke arah mempertingkatkan lagi keupayaan nilai tambah dan portfolio produk penyemperitannya dengan tujuan meningkatkan perniagaan syarikat dalam sektor berkaitan produk pengguna (Halaman 24, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Berapakah kapasiti pengeluaran Kumpulan semasa dan sebelum ini?</p> <p>b) Berapakah sasaran kapasiti pengeluaran pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah kemajuan dalam peningkatan keupayaan nilai tambah dan portfolio produk penyemperitan syarikat? Adakah Press Metal bergerak di landasan yang betul ke</p>

	arah mencapai matlamatnya untuk meningkatkan kehadirannya dalam sektor berkaitan produk pengguna?
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.